

ORPHENAMOL TABLET

Orphenadrine citrate/Paracetamol (35mg/450mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Orphenamol Tablet
2. Bagaimana Orphenamol Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Orphenamol Tablet
4. Cara menggunakan Orphenamol Tablet
5. Semasa menggunakan Orphenamol Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Orphenamol Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Orphenamol Tablet

Orphenamol Tablet digunakan untuk melegakan sakit kepala, dan dalam keadaan seperti terseliuh, ketegangan dan kecederaan badan.

Bagaimana Orphenamol Tablet berfungsi

Orphenamol Tablet mengandungi dua bahan aktif iaitu orphenadrine citrate dan paracetamol. Orphenadrine ialah sejenis ubat yang membantu mengendurkan otot, manakala paracetamol, adalah sejenis ubat yang melegakan kesakitan.

Sebelum menggunakan Orphenamol Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada orphenadrine, paracetamol, atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut)
- anda mempunyai tekanan tinggi dalam mata
- anda mempunyai masalah membuang air kecil atau tidak dapat membuang air kecil
- anda mengalami keadaan kelemahan otot
- Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun

- Sebelum menggunakan Orphenamol Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda mempunyai degupan jantung yang cepat.
- anda mempunyai masalah penyalahgunaan alkohol
- anda mengambil produk lain yang mengandungi paracetamol

Jika anda tidak pasti sama ada untuk mula mengambil ubat ini, berbincang dengan doktor anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Orphenamol tidak boleh diambil semasa mengandung.

Orphenamol dirembeskan ke dalam susu ibu. Oleh itu, ia tidak boleh digunakan semasa penyusuan bagi mengelakkan kesan yang tidak diingini pada bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat apabila diambil dengan Orphenamol Tablet mungkin mengganggu satu sama lain. Ini termasuk:

- warfarin dan ubat cair darah yang lain
- metoclopramide dan domperidone (ubat untuk rasa loya dan muntah)
- cholestyramine (ubat untuk menurunkan paras kolesterol yang tinggi dalam darah)
- propoxyphene (ubat penahan sakit)
- donepezil, galantamine, rivastigmine, tacrine (ubat untuk penyakit Alzheimer)
- levodopa (ubat untuk penyakit

Parkinson)

- bupropion (ubat yang digunakan dalam kemurungan dan berhenti merokok)

Cara menggunakan Orphenamol Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil 1 atau 2 tablet secara oral tiga kali sehari.

Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan bantuan.

- Bila perlu digunakan

Ambil tiga (3) kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Tablet Orphenamol untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda atau sesiapa sahaja mungkin menggunakan terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Antara gejala-gejala terlebih dos orphenadrine mungkin termasuk keterujaan, kekeliruan, gangguan kesedaran atau koma, sawan, degupan jantung yang cepat, anak mata membesar dan kencing tidak lawas. Dos berlebihan bagi paracetamol boleh menyebabkan kerosakan hati akut. Gejala mungkin tidak

ORPHENAMOL TABLET

Orphenadrine citrate/Paracetamol (35mg/450mg)

muncul serta merta selepas pengambilan. Doktor anda mungkin perlu memantau paras paracetamol dalam darah anda.

Semasa menggunakan Orphenamol Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Orphenamol Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Ambil Orphenamol Tablet hanya dengan preskripsi doktor

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Orphenamol Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan mesin

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika tablet membuat anda berasa pening atau mengganggu penglihatan anda, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan-kesan ini kebanyakannya tidak serius.

Kesan sampingan jarang berlaku apabila digunakan pada dos yang disyorkan, tetapi mungkin boleh menyebabkan :

- Mulut kering
- Penglihatan kabur
- Loya
- Pening

Reaksi kulit juga telah dilaporkan seperti ruam, bengkak pada kulit atau tindak

balas kulit yang lebih teruk. Berhenti menggunakan Orphenamol Tablet dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut:

- kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Orphenamol Tablet

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dibuang melalui air sisa atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna

Tablet berwarna putih, bulat, dwicembung, bergaris pada satu permukaan dan kosong pada sebelah yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi:
Orphenadrine citrate 35mg
Paracetamol 450mg

- Bahan tidak aktif:

- Talc
- Potassium sorbate
- Povidone
- Magnesium stearate

- Corn starch
- Purified water

- Nombor MAL

- MAL19871088AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.
Lot 5030, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor

Tarikh kemaskini RiMUP

06/09/2024

Nombor siri:

NPRA(R4/1)160724/00092